

Tarikh Dibaca: 03 Oktober 2025M | 11 Rabi'ul Akhir 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“SILAP LABUR DUIT LEBUR”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“SILAP LABUR DUIT LEBUR”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا
وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Baqarah: 168.

² Ali-Imran: 102.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk
“SILAP LABUR DUIT LEBUR”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Islam merupakan agama yang *syumul* (sempurna) meliputi segala aspek kehidupan termasuklah urusan mencari rezeki dan harta. Islam tidak menghalang umatnya mencari rezeki dan mengumpul kekayaan. Selain daripada menceburi bidang perniagaan untuk mengembangkan harta, kita juga boleh melabur dalam instrumen kewangan dan produk dalam pasaran modal Islam seperti sukuk, unit Amanah, saham dan pelbagai lagi produk-produk pasaran modal Islam. Sebagai seorang Muslim, kita hendaklah menjadikan pelaburan yang patuh syariah sebagai satu-satunya pilihan.

Pelaburan patuh syariah merupakan pelaburan yang halal bagi umat Islam yang berteraskan prinsip-prinsip Islam dan berlandaskan hukum syarak. Apabila kita melabur dalam pelaburan patuh syariah, ini bermakna kita melabur dalam pelaburan yang bebas daripada unsur riba seperti faedah atau bunga ke atas pinjaman, *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (judi). Selain menjauhi unsur yang ditegah, pelaburan patuh syariah juga menekankan pemilihan sektor dan industri yang halal serta bermanfaat kepada umat. Justeru, pelaburan patuh syariah tidak melibatkan pelaburan ke dalam industri dan sektor yang bercanggah dengan syarak seperti penghasilan dan penjualan arak, perjudian, produk berasaskan khinzir, rokok, dan hiburan yang melalaikan.

Oleh itu, sebagai Muslim yang bertanggungjawab, kita hendaklah meninggalkan yang haram, menjauhi yang syubhah dan hanya mengambil yang halal supaya kita tidak mengikut jejak langkah syaitan.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 168, yang telah dibacakan dipermulaan khutbah sebenar tadi yang bermaksud:

“Wahai manusia, Makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu”.

Muslimin yang berbahagia,

Mutakhir ini, aktiviti pelaburan dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin bertambah khususnya umat Islam. Ini merupakan satu perkembangan yang baik dan perlu diteruskan agar ekonomi umat Islam semakin berkembang dari semasa ke semasa. Namun, aktiviti pelaburan tidak sah dan *scam* turut merebak ibarat barah dalam masyarakat. Pengaliran wang dalam skim pelaburan tidak sah ini bukan sahaja merugikan umat Islam malah merugikan negara.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 1/3 atau 30% rakyat Malaysia berisiko menjadi mangsa pelaburan *scam* atau penipuan. Pada 2023, Suruhanjaya Sekuriti menerima 3,262 laporan dan pertanyaan berkaitan pelaburan tidak sah dan *scam*, manakala pada 2024 jumlahnya meningkat kepada 4,859.

Jumlah laporan yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti saban tahun amat membimbangkan dan jumlah kerugian yang dialami oleh mangsa-mangsa *scam* mencecah puluhan juta ringgit.

Oleh itu, pelabur Muslim perlu benar-benar berwaspada terhadap tawaran pelaburan yang kelihatan indah khabar dari rupa. Ingatlah, janji pulangan tinggi tanpa sebarang risiko hanyalah satu ilusi yang tidak masuk

akal. Sebab itu kita dituntut agar tidak gopoh dengan menyemak kesahihan setiap tawaran serta meneliti kebenarannya sebelum membuat keputusan.

Berhati-hatilah dengan tawaran pelaburan yang diiklankan di media sosial terutamanya yang menawarkan pulangan yang tinggi dalam tempoh yang singkat. *Scammer* yang licik selalunya akan memasukkan mangsa ke dalam kumpulan sembang di *WhatsApp* dan *Telegram* yang di dalamnya penuh dengan testimoni palsu.

Ada juga *scammer* yang menjadi pelanduk dua serupa. Mereka menyalahgunakan pelbagai nama dan logo entiti yang sah seperti bank dan syarikat berdaftar untuk mengaburi mata mangsa. Malah ada scammer yang memalsukan sijil dan surat yang kononnya datang daripada badan pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk meyakinkan mangsa bahawa mereka adalah entiti yang sah.

Terkini terdapat juga *scammer* yang menggunakan teknologi penyamaran *deepfake*. Ia digunakan untuk memanipulasi suara dan wajah seseorang walhal individu sebenar tidak pernah bercakap seperti yang dipertontonkan. Mereka menyamar dengan menggunakan wajah dan suara individu berpengaruh untuk menawarkan pelaburan tidak sah dan *scam*.

Selain itu, terdapat banyak skim pelaburan yang tidak sah dan *scam* yang menyalahgunakan label patuh syariah untuk menjerat mangsa khususnya pelabur Muslim. Antara taktik mereka adalah menyalahgunakan gambar tokoh-tokoh agamawan dan selebriti terkenal dalam mempromosikan skim penipuan mereka. Kita perlu ingat bahawa walaupun sesuatu skim pelaburan dilabelkan sebagai 'patuh syariah' atau dikaitkan dengan individu berprofil tinggi, tidak bermakna skim tersebut tiada risiko

dan mempunyai jaminan pulangan tinggi. Ia juga tidak bermakna skim tersebut adalah berlesen dan berdaftar dengan pihak pengawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Harus diingat, kita juga perlu berhati-hati dengan tawaran kerja di media sosial. *Scammer* akan menawarkan komisen untuk tugas yang mudah seperti dengan membuat *comment*, *like*, *follow* dan *share* halaman media sosial mereka. Selepas menyiapkan tugas, mangsa akan ditawarkan untuk melabur serta diberikan maklumat akaun keldai bagi tujuan pembayaran. Setelah pembayaran dibuat, mangsa akan menerima penyata pulangan pelaburan palsu namun akhirnya tidak akan dapat mengeluarkan pulangan pelaburan tersebut.

Selain itu, terdapat juga skim penipuan pelaburan yang melibatkan penipuan percintaan (*love scam*), yang kebiasaannya bermula dengan perkenalan di media sosial, diikuti dengan curahan kasih sayang serta simpati dan diakhiri dengan pemindahan wang lalu ditinggalkan tanpa berita.

Sebagai pelabur Muslim yang bertanggungjawab, kita mesti membuat semakan di Portal Semak Sebelum Labur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sama ada syarikat atau individu yang menawarkan produk pelaburan tersebut berlesen dan berdaftar atau tidak dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pastikan kita mempunyai maklumat yang cukup sebelum kita mempercayai sesuatu perkara sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا .

"Dan janganlah kamu mengikuti apa-apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan serta hati semuanya itu akan dipertanggungjawabkan".

Khatib ingin berpesan kepada para Jemaah sekalian, janganlah kita bersekongkol dengan kejahatan. Jangan sesekali kita menyewakan dan meminjamkan akaun bank kita kepada pihak ketiga bagi mendapatkan upah atau ganjaran. *Scammer* banyak menggunakan akaun keldai untuk menipu mangsa. Gejala penipuan pelaburan dapat dibendung dengan ketiadaan akaun keldai. Marilah kita merenung firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ .

"Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam membuat kebajikan dan bertakwa. Dan janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat berat azab-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)".

Hadirin yang dihormati Allah SWT sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan pedoman seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa berhati-hati dengan skim pelaburan yang ditawarkan melalui platform media sosial.
2. Umat Islam hendaklah berurusan dengan syarikat pelaburan yang sah, berlesen dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai ikhtiar supaya kita terhindar daripada penipuan dan penyelewengan.
3. Umat Islam hendaklah menyemak terlebih dahulu status syariah dan kesahihan suatu syarikat sebelum melakukan apa-apa pelaburan agar tidak terjerumus dalam kerugian yang membinasakan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ.

"Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik."

(Surah al-Baqarah :195).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon dengan keagungan nama-nama-Mu, dengan sifat-Mu yang Maha Perkasa dan Maha Melindungi. Engkau lindungilah pasukan sukarelawan Sumud Flotilla yang sedang menuju ke perairan Gaza untuk membantu saudara-saudara muslim kami yang tertindas, dizalimi dan terpenjara oleh sekatan tentera Israel. Jauhkan serta selamatkan perjalanan mereka dari sebarang ancaman dan gangguan jahat musuh-musuh Islam.

Ya Allah! Engkau kuatkan dan teguhkanlah langkah mereka sebagaimana Engkau menguatkan langkah para mujahidin di medan peperangan. Engkau teguhkanlah hati mereka sebagaimana Engkau meneguhkan hati Nabi Musa *Alaihissalam* di hadapan Firaun, dan

lindungilah mereka sebagaimana Engkau melindungi Nabi Ibrahim *Alaihissalam* daripada api yang marak menyala.

Ya Allah, Halanglah segala tipu daya dan muslihat para musuh serta pengkhianat yang ingin menggagalkan misi suci ini.

Engkau sampaikanlah bantuan yang dibawa oleh para pejuang-Mu ini kepada saudara kami di Gaza yang sedang menghadapi detik-detik sukar berdepan kebuluran, krisis makanan, masalah kesihatan dan pelbagai kesusahan lain. Engkau kembalikanlah ya Allah para pejuang Global Sumud Flotilla ke tanah air dengan aman, selamat dan sihat wal afiat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.